

# Cukai hasil melalui laman web dikurangkan kepada 10 %

UM 20 OCT 2001

KUALA LUMPUR 19 Okt. — Cukai pendapatan yang diperoleh daripada perdagangan luar pesisir melalui laman web di Malaysia dikurangkan daripada 28 peratus kepada 10 peratus untuk tempoh selama lima tahun.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ketika membentangkan Belanjawan 2002 di Dewan Rakyat hari ini berkata, langkah itu diambil bagi menggalakkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam perdagangan.

Langkah itu juga, katanya, adalah bagi menjadikan Malaysia satu lokasi perniagaan yang menarik kepada perdagangan antarabangsa.

Selain itu, katanya, kerajaan juga akan membenarkan potongan tahunan sebanyak 20 peratus untuk selama lima tahun bagi pihak yang membangunkan laman web untuk perniagaan.

Bagi meningkatkan penggunaan kad pintar pelbagai guna terutama dalam institusi kewangan, Dr. Mahathir berkata, cukai jualan ke atas peralatan tersebut dikecualikan sepenuhnya.

Katanya, memandangkan kos pelaksanaan projek tersebut agak besar, pengecualian cukai jualan itu diharap akan membolehkan institusi kewangan menyediakan prasarana yang sesuai dengan lebih cepat.

Beliau berkata, kerajaan juga menyediakan sejumlah peruntukan yang besar bagi mewujudkan masyarakat yang berpengetahuan, bermaklumat dan berbudaya ICT.

Katanya, untuk melaksanakan Aplikasi Perdana Kerajaan Elektronik sebanyak RM112.7 juta disediakan, Sekolah Bestari (72.3 juta), Teleperubatan (RM20 juta), kad pintar (RM86.3 juta) dan Integrasi Aplikasi (RM9.5 juta).

Selain itu, katanya, sebanyak RM487.67 juta diperuntukkan untuk meningkatkan program pengkomputeran di kementerian dan jabatan kerajaan serta RM205.5 juta untuk pengkomputeran di sekolah-sekolah.